

hendak melamarnya. Abu as-Sanaabil bin Ba`kak,<sup>138</sup> seorang lelaki dari Bani `Abdi ad-Daar datang menemuinya. Beliau (Abu as-Sanaabil) tiba-tiba menyapa: “Kenapa saya nampak awak berhias diri untuk para pelamar?”¹³⁹ Awak hendak kahwinkah? Sesungguhnya engkau tidak dapat kahwin selagi tidak berlalu (hari kematian Sa`ad selama) empat bulan sepuluh hari kepadamu.”<sup>140</sup> Kata Subai`ah: “Apabila dia berkata

¹³⁸ Nama sebenar Abu as-Sanaabil ialah `Amar. Beliau memeluk agama Islam pada hari pembukaan Mekah. Abu as-Sanaabil terkenal sebagai seorang penya`ir. Beliau menetap di Kufah, tetapi meninggal dunia di Mekah.

¹³⁹ Hadits ini merupakan sebaik-baik bukti tentang hubungan di antara golongan lelaki dan perempuan dari kalangan sahabat di zaman Nabi s.a.w. Mereka menyapa satu sama lain dan mesra dalam batas-batas yang dibenarkan. Subai`ah misalnya di dalam hadits ini dikatakan telah berhias diri untuk dilamar oleh orang-orang yang hendak melamarnya sehabis `iddahnya kerana kematian suami. Abu as-Sanaabil pula masuk menemuinya. Tentu sekali Subai`ah tidak berniqab (memakai tudung muka), kerana Abu as-Sanaabil dapat mengenalinya dan dapat juga mengesan perhiasan pada wajah dan bahagian tubuhnya yang lain. Abu as-Sanaabil bukannya mahram kepada Subai`ah. Beliau kemudiannya telah menjadi suami kepada Subai`ah. Hubungan dan pergaulan mereka yang seperti itu tidak dipandang serong oleh sesiapa pun semasa hayat Nabi s.a.w.

¹⁴⁰ Abu as-Sanaabil berkata begini mungkin kerana tiga sebab berikut: (1) Sejauh pengetahuan beliau, perempuan yang kematian suami perlu ber`iddah selama empat bulan sepuluh hari. Perkara ini memang terdapat pun di dalam al-Qur`an. Allah berfirman:

وَالَّذِينَ يَتُوفَوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ

بِالْمَعْرُوفِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣٢﴾

Bermaksud: dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu dengan meninggalkan isteri-isteri, hendaklah para isteri itu menahan dirinya (ber`iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis `iddahnya, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut yang patut. Allah mengetahui apa yang kamu lakukan. (al-Baqarah: 234).

Tidak pula beliau tahu bahawa hukum `iddah yang tersebut di dalam ayat itu hanya untuk perempuan-perempuan kematian suami yang tidak mengandung. Adapun perempuan-perempuan hamil yang kematian suaminya, maka `iddahnya ialah sebaik melahirkan kandungannya. Hukum `iddah perempuan-perempuan hamil yang bercerai atau kematian suaminya terdapat di dalam firman Allah berikut:

وَالَّذِي يَسْتَن مِنَ الْمَحِيضِ مِنْ نِسَائِكُمْ إِنْ أَرْبَبْتُمْ فَعِدَّتُنَّ ثَلَاثَةُ أَشْهُرٍ وَالَّتِي لَمْ يَحْضَنْ وَأُولَتْ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haidh, jika kamu ragu-ragu (tentang masa `iddahnya), maka masa `iddah mereka ialah tiga bulan; dan begitu (pula) perempuan-perempuan yang tidak berhaidh. Dan perempuan-perempuan yang

begitu kepadaku, teruslah aku pergi menemui Rasulullah s.a.w. pada petang itu juga untuk bertanya hukumnya. Jawapan Baginda s.a.w. ialah aku telah pun halal

mengandung, tempoh `iddah mereka itu ialah sampai mereka melahirkan kandungannya. Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah, niscaya Allah memudahkan baginya segala urusannya. (at-Thalaaq: 4). Di dalam ayat ini Allah telah menyebutkan secara umum tentang `iddah perempuan-perempuan hamil, sama ada kerana bercerai atau kerana kematian suami.

(2) Mungkin juga Abu as-Sanaabil berpendapat seperti Saiyyidina `Ali dan Ibnu `Abbaas. `Ali dan Ibnu `Abbaas berpendapat, `iddah perempuan hamil ialah أبعد الأجلين (yang terjauh atau yang lebih lama daripada dua tempoh `iddah). Maksudnya ialah jika perempuan hamil melahirkan kandungannya sebelum empat bulan sepuluh hari, maka `iddahnya ialah empat bulan sepuluh hari. Dan jika ia melahirkan kandungannya selepas empat bulan sepuluh hari, maka `iddahnya ialah apabila ia melahirkan kandungannya. (3) Di dalam sesetengah riwayat tersebut bahawa tujuan Abu as-Sanaabil berkata begitu kepada Subai`ah ialah untuk melengah-lengahkan keputusan Subai`ah menerima lamaran daripada lelaki lain. Ini kerana beliau sendiri juga hendak melamarnya. Tetapi oleh kerana beliau agak tua berbanding pelamar lain, mungkin sekali Subai`ah akan menolak lamarannya dan akan mengutamakan pelamar lain yang lebih muda daripadanya. Kebetulan pada ketika itu keluarga Subai`ah tidak ada di rumah. Beliau fikir, masa yang sesuai untuk melamar Subai`ah ialah apabila keluarga Subai`ah yang sudah cukup mengenalinya pulang. Mereka tentu akan mengutamakan untuk berkahwin dengan Subai`ah berbanding orang-orang lain. Berikut dikemukakan riwayat Malik di dalam Muwattha' yang jelas menyokong sebab (3) ini:

حَدَّثَنِي يَحْيَى عَنْ مَالِكٍ عَنْ عَبْدِ رَبِّهِ بْنِ سَعِيدٍ بْنِ قَيْسٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهُ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ وَأَبُو هُرَيْرَةَ عَنِ الْمَرْأَةِ الْحَامِلِ يَتَوَقَّى عَنْهَا زَوْجَهَا فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ آخِرَ الْأَجَلَيْنِ وَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ إِذَا وَلَدَتْ فَقَدْ حَلَّتْ فَدَخَلَ أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَلَى أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَهَا عَنْ ذَلِكَ فَقَالَتْ أُمُّ سَلَمَةَ وَلَدْتُ سُبَيْعَةَ الْأَسْلَمِيَّةَ بَعْدَ وَفَاةِ زَوْجِهَا بِنِصْفِ شَهْرٍ فَخَطَبَهَا رَجُلَانِ أَحَدُهُمَا شَابٌّ وَالْآخَرُ كَهْلٌ فَحَطَّتْ إِلَى الشَّابِّ فَقَالَ الشَّيْخُ لَمْ تَحِلِّيْ بَعْدَ وَكَانَ أَهْلُهَا غَيْبًا وَرَجَا إِذَا جَاءَ أَهْلُهَا أَنْ يُوْثِرُوهُ بِهَا فَجَاءَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ قَدْ حَلَّتْ فَأَنْكِحِي مَنْ شِئْتِ

Bermaksud: Abu Salamah bin `Abdir Rahman meriwayatkan, katanya: "Ibnu `Abbaas dan Abu Hurairah pernah ditanya tentang (`iddah) perempuan hamil yang kematian suaminya. Jawab Ibnu `Abbaas: "Yang terakhir daripada dua tempoh." Abu Hurairah pula berkata: "Apabila perempuan itu bersalin, halallah dia (habislah `iddahnya)." Maka masuklah Abu Salamah bin `Abdir Rahman menemui ummu Salamah untuk bertanya beliau tentang masalah itu. Jawab Ummu Salamah: "Selepas setengah bulan (lima belas hari) kematian suami, Subai`ah al-Aslamiyyah melahirkan anaknya. Dua orang telah melamar beliau. Seorang daripadanya masih muda dan seorang lagi sudah agak tua. Subai`ah cenderung kepada yang muda. Yang (agak) tua pula berkata: "'Iddahmu belum habis lagi." Ahli keluarga Subai`ah pada ketika itu tiada di rumah. Yang (agak) tua berharap apabila ahli keluarga Subai`ah pulang, mereka tentu akan mengutamakan untuk Subai`ah. Subai`ah terus pergi menemui Rasulullah (dan bertanya tentang `iddahnya). Kata Baginda s.a.w.: "Engkau telah pun halal (`iddahmu sudah pun habis). (Sekarang) Berkahwinlah dengan siapa (saja) yang engkau mahu."

(berkahwin) sebaik saja selesai melahirkan kandunganku lagi. Baginda s.a.w. menyuruh aku berkahwin jika aku mahu.”¹⁴¹

Ashbagh merupakan mutaabi`nya (al-Laits) dalam meriwayatkan (hadits ini) daripada Ibnu Wahab daripada Yunus. Kata al-Laits,<sup>142</sup> Yunus meriwayatkan kepadaku daripada Ibni Syihaab. Kami bertanya beliau (Ibni Syihaab). Maka kata beliau, Muhammad bin `Abdir Rahman bin Tsaubaan iaitu maula (hamba bebasan) Bani `Aamir bin Lu'ai meriwayatkan kepadaku, bahawa Muhammad bin Iyaas bin al-Bukair meriwayatkan kepadanya. Ayahnya (Muhammad ini iaitu Iyaas) ikut serta dalam peperangan Badar (Ahli Badar).¹⁴³

¹⁴¹ Antara pengajaran, pedoman, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Keharusan belajar dengan perantaraan surat menyurat. (2) Kelebihan sahabat yang telah ikut serta dalam perang Badar. (3) Sebaik suci dari nifas, seseorang perempuan boleh berhias diri dan bersolek untuk dilamar. (4) Hubungan mesra di antara golongan lelaki dan perempuan dalam batas-batas yang dibenarkan memang wujud di zaman Nabi s.a.w. Ia bukan suatu yang dipandang serong oleh masyarakat pada masa itu. (5) Subai`ah tidak berniqab (memakai tudung muka) ketika ditemui Abu as-Sanaabil yang bukan mahramnya. Ini menunjukkan niqab bukan suatu yang wajib kepada perempuan. Banyak sekali hadits menunjukkan kebanyakan sahabyiyat (sahabat wanita Nabi s.a.w.) tidak berniqab ketika berhadapan dan berurusan dengan lelaki ajnabi (bukan mahram). Salah satu daripadanya ialah hadits Subai`ah yang berada di hadapan anda sekarang. (6) Perempuan yang kematian suami wajib ber`iddah. (7) `Iddah perempuan hamil berakhir apabila ia melahirkan kandungannya. (8) `Iddah perempuan tidak hamil yang kematian suami ialah empat bulan sepuluh hari. (9) Sebaik saja melahirkan kandungan dengan sepenuhnya, perempuan yang kematian suami sudah harus berkahwin, walaupun belum suci dari nifasnya. (10) Perempuan yang sedang ber`iddah boleh keluar rumah untuk memenuhi apa-apa hajat dan keperluannya. Subai`ah di dalam hadits ini telah keluar dari rumah dan pergi menemui Rasulullah s.a.w. untuk bertanya sama ada `iddahnya sudah habis atau belum. (11) Keharusan bersumpah dengan nama Allah atas kadar ma`lumat yang ada pada seseorang, walaupun pada hakikatnya ma`lumat yang ada padanya itu tidak menepati kebenaran. (12) Subai`ah sebenarnya telah mengetahui tentang `iddah perempuan hamil yang kematian suami berakhir apabila ia melahirkan kandungannya. Tetapi oleh kerana Abu as-Sanaabil bersumpah dengan nama Allah atas ma`lumat yang ada padanya, timbullah keraguan di dalam hati Subai`ah sehingga mendorongnya pergi menemui Nabi s.a.w. untuk mendapat kepastian. (13) Untuk mendapat kepuasan dan kepastian, seseorang pelajar elok sekali meruju` kepada guru yang lebih alim dan lebih pakar. (14) Sa`ad bin Khaulah adalah seorang Ahli Badar. Beliau meninggal dunia dalam Haji Wadaa` ketika isterinya Subai`ah sedang hamil. Tidak lama selepas kematian Sa`ad, Subai`ah melahirkan kandungannya.

¹⁴² Kata-kata al-Laits ini diwashalkan oleh Bukhari sendiri di dalam Kitab at-Tarikh al-Kabirnya.

¹⁴³ Tujuan Bukhari mengemukakan ta`liq al-Laits ini pula ialah untuk menyatakan ayah Muhammad perawi hadits mutaba`ah ini, iaitu Iyaas bin al-Bukair adalah Ahli Badar. Kerana kelebihan Ahli Badarlah Muhammad bin `Abdir Rahman bin Tsaubaan menyebutkan Iyaas bin

١١- باب شهود الملائكة بدار

II – Bab : Penyertaan Malaikat Dalam Perang Badar.¹⁴⁴

٣٩٨٩- حَدَّثَنِي إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا جَرِيرٌ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ عَنْ مُعَاذِ بْنِ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ الزُّرْقِيِّ عَنْ أَبِيهِ وَكَانَ أَبُوهُ مِنْ أَهْلِ بَدْرٍ قَالَ جَاءَ جِبْرِيلُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا تَعْدُونَ أَهْلَ بَدْرٍ فَيُكْفَمُ قَالَ مِنْ أَفْضَلِ الْمُسْلِمِينَ أَوْ كَلِمَةً تَخَوْفَهَا قَالَ وَكَذَلِكَ مَنْ شَهِدَ بَدْرًا مِنَ الْمَلَائِكَةِ

3989- Ishaq bin Ibrahim (bin Rahawaih) meriwayatkan kepadaku, katanya: Jarir (bin `Abdul Hamid) meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Sa'id (al-Anshaari) daripada Mu'aaz bin Rifaa'ah bin Raafi' az-Zuraqi daripada ayahnya – Ayahnya adalah salah seorang Ahli Badar – Katanya: “Jibril datang kepada Nabi s.a.w. lalu bertanya: “Apakah kedudukan Ahli Badar di sisimu?” Jawab Nabi s.a.w.: “Antara orang-orang Islam yang terbaik. Atau (Baginda mengucapkan) suatu ucapan seumpamanya. Kata Jibril: “Demikian juga kedudukan para malaikat yang menyertai perang Badar.”¹⁴⁵

al-Bukair sebagai Ahli Badar. Padahal bukanlah dia yang meriwayatkan hadits ini kepadanya. Yang meriwayatkan hadits ini kepadanya ialah anaknya yang bernama Muhammad tadi.

¹⁴⁴ Di bawah Bab 4 iaitu Bab Firman Allah *إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ* tersebut bahawa Allah s.w.t. telah memperkenalkan permintaan Rasulnya pada hari Badar. Kerananya Allah berfirman: “Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang datang mengiringi kamu.” Kata Hafiz Ibnu Hajar: “Yunus bin Bukair di dalam Ziadaat al-Maghazi dan Baihaqi meriwayatkan daripada ar-Rabii' bin Anas. Kata beliau: “Para sahabat pada hari Badar dapat membezakan di antara musuh yang terbunuh oleh malaikat dan yang terbunuh oleh manusia. Orang-orang yang terbunuh oleh malaikat ada tanda di atas belakang tengkuk dan di hujung-hujung jari mereka. Bahagian itu bagai diselar dengan api.” Di dalam Musnad Ishaq ada riwayat daripada Jubair bin Muth'im, kata beliau: “Sebelum pihak musuh menerima kekalahan di Badar, saya nampak semacam habuk hitam datang dari langit, kelihatan seperti semut. Ketika itu yakinlah saya bahawa apa yang saya nampak itu ialah malaikat. Tidak lama selepas itu kalahlah pihak musuh.” Di dalam Sahih Muslim ada satu riwayat daripada Ibnu `Abbaas. Kata beliau: “Ketika seorang tentera muslim sedang mengekori seorang musyrik (dalam perang Badar), tiba-tiba ia terdengar bunyi pukulan dengan cemeti dari pihak atas. Bunyi suara penunggang kuda juga kedengaran....” di dalam hadits yang sama tersebut sabda Nabi s.a.w. Kata Baginda: “Itu ialah bantuan dari langit ketiga.”

¹⁴⁵ Hadits ini jelas menunjukkan para malaikat juga telah ikut serta dalam perang Badar. Sebagaimana para sahabat yang telah ikut serta dalam perang Badar dianggap manusia muslim yang terbaik dan terpilih, begitulah juga dengan para malaikat yang menyertainya. Tentang